

Pindaan: Keputusan
sebutlah suara

Kabinet

berpinda

mandat penuh

Berita dari
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Juara — Kabinet sebetulnya mengambil keputusan memberi mandat penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengambil apa juga tindakan bagi menyelesaikan kebutuhan mengenai Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan.

Keputusan itu difahamkan diambil dalam mesyuarat minggu kabinet, Rabu lalu berikutan kebutuhan mesyuarat khas antara satu perwakilan tinggi Umno dan

Raja-Raja mengenai isu itu.

Sumber-sumber peringkat tinggi berkata hari ini, kabinet telah membincangkan dengan panjang lebar hasil mesyuarat dengan Raja-Raja di Istana Bukit Kalyangan, Shah Alam, Ahad lalu.

Kabinet difahamkan memutuskan bahawa oleh kerana perwakilan Umno itu gagal mengatai kebuntuan itu, kini adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengambil langkah-langkah bagi menyelesaikan perkara itu.

Adalah juga difahamkan bahawa setiap menteri yang hadir dalam mesyuarat itu diminta menyatakan pendiriannya mengenai isu itu agar apa juga tindakan yang diambil akan menjadi tindakan bersama berdasarkan semangat tanggungjawab bersama kabinet.

Sumber-sumber berkata, tidak ada satu pun undi membabitkan Semasa anggota kabinet, kecuali Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Kem-

ajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim dan Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu, hadir dalam mesyuarat itu.

Ketiga-tiga orang menteri yang tidak hadir itu kini di luar negeri. Tan Sri Ghazali di New Delhi menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Komanwel, Datuk Rais di Singapura menghadiri seminar mengenai dadah dan Datuk Samy Vellu pula di Australia.

Mereka akan diminta menyatakan pendirian masing-masing mengenai isu itu dalam mesyuarat kabinet akan datang, bila mereka hadir kelak.

Harapan

Sumber-sumber itu berkata, kabinet juga sebutlah suara menyokong apa jua tindakan yang telah diambil oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam usaha untuk menyelesaikan masalah itu, termasuk langkah mendapalkan Umno mengadap Raja-Raja dan menyebarkan formula dalam pertemuan Ahad lalu.

Semua menteri yang hadir dalam mesyuarat kabinet dua hari

lalu juga berastuju memberi mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir mengambil apa jua usaha selanjutnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan sebaik-baiknya.

Adalah difahamkan, pucuk pimpinan Umno menaruh harapan formula yang disembahkan kepada Raja-Raja Ahad lalu akan menghasilkan penyelesaian.

Bagaimanapun, mesyuarat itu menemui jalan buntu, menyebabkan ketidak-pastian masa depan Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan 1983 yang telah pun diluluskan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Umno telah memilih rombongan khas lima orang anggota Majlis Tertinggi yang diketuai oleh salah seorang naib presidennya, Encik Abdul Ghaffar Baba, untuk menyebarkan formula kepada Raja-Raja.

Satu kenyataan ringkas yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu hanya menyatakan bahawa "syor-syor baru" yang disembahkan oleh perwakilan Umno itu perlu pertimbangan lebih lanjut. — Bernama.